

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan Prinsip Perakaunan 3756/2 mengandungi 6 soalan yang dibahagikan kepada bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi 4 soalan yang wajib dijawab semua. Bahagian B diberikan 2 soalan pilihan dan calon boleh memilih mana-mana satu soalan yang dikehendaki. Masa yang diperuntukkan kepada calon ialah 2 jam 30 minit dengan jumlah markah 80.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya prestasi jawapan calon tahun ini kurang memuaskan. Bilangan calon yang mendapat keputusan cemerlang tidak ramai. Sebahagian besar calon tidak dapat menjawab semua soalan dengan baik terutamanya soalan nombor 2, 5 dan 6.

PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Susunan jawapan calon teratur, sistematik dan menepati peraturan pemarkahan. Calon memahami tugas soalan dengan baik dan berjaya menjawab semua soalan dengan baik. Jawapan calon juga mengikut format yang betul.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon dalam kumpulan ini secara keseluruhannya hanya mampu menjawab 3 daripada 5 soalan yang dikemukakan iaitu soalan nombor 1, 2 dan 3. Namun terdapat bahagian-bahagian tertentu dalam soalan itu tidak dijawab dengan sempurna. Jawapan calon mengikut format tetapi tidak tepat dan ada jawapan calon yang tidak lengkap. Susunan jawapan kurang teratur.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon hanya menjawab satu atau dua soalan sahaja dan sebahagian besarnya menjawab soalan 1 dan soalan 2. Susunan jawapan calon tidak teratur, tidak bersistematik dan tidak tepat. Terdapat juga calon yang menjawab tidak mengikut tugas soalan seperti menyediakan Akaun Pengasingan Untung Rugi untuk soalan 2 calon sepatutnya menyediakan Penyata Pendapatan. Jawapan calon bercampur aduk, dan tidak lengkap. Terdapat juga calon yang hanya menyalin soalan dan menyenaraikan akaun sahaja. Jawapan calon menunjukkan kelemahan yang ketara dalam sistem catatan bergu dan tidak menggunakan format yang betul.

PRESTASI TERPERINCI

SOALAN 1

Soalan ini berkaitan dengan kitaran perakaunan untuk menguji kebolehan calon menyediakan buku catatan pertama iaitu Buku Tunai, Jurnal Am, Jurnal Jualan, Jurnal Belian dan Jurnal Pulangan Belian. Soalan ini juga menguji kemahiran calon memindahkan catatan daripada buku catatan pertama ke lejar mengikut sistem catatan bergu dan penggunaan prinsip-prinsip perakaunan yang betul. Seterusnya calon diuji untuk menyediakan Imbangan Duga pada akhir tempoh perakaunan tertentu berdasarkan baki-baki dalam lejar yang telah disediakan.

Calon didapati berjaya menganalisis dokumen sumber dan mengenalpasti buku-buku catatan pertama yang terlibat dengan tepat. Calon juga boleh membuat catatan dalam buku catatan pertama dengan betul. Contoh Jurnal Belian yang disediakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

TARIKH	BUTIR	Folio	Jumlah	
2004			RM	
Jun 3	Pamasonic Sdn. Bhd.		3400 00	↳
18	Zahiba Sdn. Bhd.		1800 00	↳
30	Akaun Belian	(Dt)	5200 00	↳

calon dapat menyediakan buku catatan pertama mengikut format yang betul. Majoriti calon dapat menyediakan Buku Tunai dengan baik. Catatan tarikh adalah tepat dalam jurnal dan Buku Tunai. Sebahagian besar calon dapat membuat pemindahan catatan daripada buku catatan pertama ke lejar mengikut sistem catatan bergu. Contoh Buku Tunai (petikan sebelah kredit) yang disediakan oleh calon seperti yang berikut:

Tarikh	Butir	DIFAHAN DITERIMA	TUNAI	BANK
2004		RM	RM	RM
Jun 1	Baki b/b			↳ 2500
↳ 15	Ambilan		180 00	↳
22	Pamasonic Sdn Bhd.			↳ 1800
27	Zahiba Sdn. Bhd.	90 00	↳	↳ 21710
30	Sewa			↳ 540
	Baki u/b		1520 00	
		90 00	1700 00	6550
2004 Jul 1	Baki b/b			4450

Bilangan calon yang melakukan kesilapan membuat catatan dua kali dalam buku catatan pertama dan lejar telah berkurangan daripada tahun-tahun sebelumnya. Calon juga dapat menyediakan Imbangan Duga dengan menggunakan format yang betul.

Jawapan calon masih lemah dalam menentukan fungsi buku catatan pertama dan kesannya calon mencatat dalam buku catatan pertama yang salah. Penyediaan buku-buku catatan pertama tidak dibuat dengan tepat, seperti contoh di bawah:

2004	Jurnal Pulangan	Jualan	
Jun 20	Pamasonic Sdn. Bhd		134

Catatan di atas sepatutnya dicatat dalam Jurnal Pulangan Belian

Lejar yang disediakan tidak tepat. Pengetahuan tentang sistem catatan bergu tidak dikuasai dengan baik menyebabkan calon merekod butiran dan angka yang salah ke dalam akaun yang salah dan butiran dan angka yang digunakan juga salah. Contohnya:

Bagi calon yang lemah pula, mereka sering membuat pengeposan songsang dalam lebar kerana kurang mahir dalam prinsip perakaunan dan sistem catatan bergu. Sebahagian dari calon juga didapati kurang cekap memindahkan baki debit dan baki kredit daripada lebar keimbangan Duga.

Penyediaan Buku Tunai, Jurnal Am dan Jurnal Khas tidak tepat kerana berlaku kesilapan-kesilapan tertentu. Terdapat calon tidak mencatat baki awal tunai dan baki bank dalam Buku Tunai. Selain itu, baki overdraf bank direkod sebagai baki debit. Terdapat juga calon yang tidak mengimbang Buku Tunai. Sebahagian daripada calon tertinggal catat diskaun pada lajur diskaun yang diterima dalam Buku Tunai.

TARIKH	BUTIR	DISKAUN	TUNAI	BANK
2004 Jun 15	Ambilan		180	
22	Pamasonic sdn. Bhd.			1800
27	Zahiba sdn. Bhd.	?		1710
30	Gaji Sewa			540
			800	4050
Jul 1	Baki b/b		620	1950

Terdapat beberapa kesilapan dalam penyediaan Jurnal Am. Ramai calon membuka Jurnal Am dua kali untuk merekod catatan pembukaan dan ambilan secara berselang seli dengan Jurnal Khas yang lain. Terdapat ramai calon membuat catatan dua kali untuk satu urusan niaga tunai iaitu pada Jurnal Am dan juga pada Buku Tunai. Contoh kesilapan yang banyak didapati ialah sewa yang dibayar dan ambilan yang sepatutnya dicatat dalam Buku Tunai sahaja tetapi telah dicatat juga dalam Jurnal Am. Terdapat juga calon yang terlupa mencatat keterangan jurnal dalam Jurnal Am. Contoh kesilapan membuat dua kali catatan adalah seperti berikut:

Jurnal Am				
15	ambilan		180	00
	Tunai			1800
	(Ambilan Tunai untuk membayar yuran kelas komputer anak).			

Buku Tunai (sabalah kredit)

Tarikh	Butir	diskaun	Tunai	Bank
2004				
JUN 15	Ambilan	2%	180 00	
22	Pamasonic sdn bhd		1800	00 (K)

Jurnal khas disediakan dalam bentuk Jurnal Am dan proses penutupan jurnal tidak dibuat dengan sempurna atau tidak mengimbangi jurnal khas. Terdapat jawapan calon yang tidak mempunyai catatan jumlah atau tertinggal catatan tarikh. Terdapat juga calon yang mencatat tarikh yang salah semasa membuat penutupan Jurnal Khas. Dalam contoh di bawah calon mencatatkan tarikh 31 Jun sepatutnya ialah 30 Jun.

Jurnal Jualan

		DT	KT
Jun 9	Perniagaan Gaffor	3600 X	
Jun 12	Perniagaan Gaffor	90 X	
Jun 31	Akaun Jualan		3690

Terdapat juga jawapan calon menggunakan lajur yang salah untuk mencatat angka dalam Jurnal Khas. Kesilapan itu dapat ditunjukkan seperti contoh di bawah:

Jurnal Belian

		Jumlah	Rm
Jun 3	Pamasonic sdn bhd	3400	?
Jun 18	Zahiba sdn bhd	1800	?
Jun 26	Akaun Belian	5200	

Kelemahan mengenal pasti fungsi nota debit menyebabkan catatan yang sepatutnya dicatat dalam dalam Jurnal Jualan telah dicatat dalam Jurnal Pulangan Jualan. Kesilapan juga berlaku pada atas invoice belian rak yang sepatutnya dicatat dalam Jurnal Am telah dicatat dalam Jurnal Belian.

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	P	Debit	Jumlah
Jun 3	Pamasonic Sdn Bhd			3400 0
18	Zahiba Sdn Bhd			1800 0
23	Syanikat Abby			340 0
30	Baki Akaun Belian baki Dt			5540 0

Terdapat banyak kesilapan penggunaan butiran dalam buku catatan pertama. Calon mencatat penggunaan butiran yang salah untuk memulakan perniagaan baru. Butiran "modal" digunakan menggantikan butiran "baki b/b" dalam Buku Tunai. Terdapat calon cuai dalam mencatat butiran nama perniagaan. Butiran "Perniagaan Ghaffar" direkod sebagai "Perniagaan Ghafar" manakala "Pamasonic Sdn.Bhd" dicatat sebagai "Panasonic Sdn. Bhd". Terdapat juga kecenderungan meringkas nama perniagaan seperti "Zahiba Sdn. Bhd. dan Pamasonic Sdn. Bhd." dicatat sebagai "Zahiba dan Pamasonic" sahaja. Selain daripada itu butiran "lengkapan" dicatat sebagai "perabot atau alat pejabat" dalam Jurnal Am. Kesilapan menggunakan butiran juga berlaku ke atas butiran "jualan" dengan berbutirkan "Puan Yati Arif" dan "gaji" digantikan dengan butiran "sewa". Jualan tunai direkod di sebelah kredit Buku Tunai yang menggunakan butir "jualan tunai" yang mana catatan sepatutnya di sebelah debit dengan butiran "jualan" sahaja. Kesilapan butiran dalam Buku Catatan Pertama ini akan mempengaruhi penggunaan tajuk akaun.

			Panasonic Sdn. Bhd.		
Jun 20	Pulangan belian		1800	Jun 3	Belian
22	Bank		1800		
30	Baki	h/b	1416		
			<u>3400</u>		<u>3400</u>
				Julai 1	Baki
					b/b
					1416

Semasa menyediakan catatan lejar, terdapat banyak kesilapan dilakukan oleh calon. Terdapat kesilapan menulis nama akaun dan meringkas nama akaun seperti nama Perniagaan Gaffar, Zahiba dan Pamasonic. Calon juga tidak dapat mengepos ke lejar dengan sempurna dengan melakukan catatan songsang debit dan kreditnya. Akaun Stok, Akaun Modal, Akaun Kenderaan dan Akaun Lengkapan dibuka tetapi menggunakan butir "modal" yang sepatutnya menggunakan butir "baki b/b". Masih ramai lagi calon membuka Akaun Bank dan Akaun Tunai dalam lejar yang tidak diperlukan. Contoh kesilapan menulis butiran akaun seperti berikut:

			Akaun	Stok		
Jun 1	Modal		25400	Jun 30	Baki	h/b 254
Julai 1	Baki	b/b	25400			
			Akaun	Kenderaan		
Jun 1	Modal		22500	Jun 30	Baki	h/b 225
Julai 1	Baki	h/b	22500			
			Akaun	Lengkapan		
Jun 1	Modal		13600	Jun 30	Baki	h/b 1360
Julai 1	Baki	b/b	13600			

			Alt Dikahum diterima		
Jun 30	Baki	h/b	90	Jun 27	Zahiba Sdn. Bhd.
			<u>90</u>		
				Julai 1	Baki
					b/b
					90

Terdapat juga jawapan yang menggunakan butiran yang salah dalam Akaun Belian, Akaun Jualan, Akaun Pulangan Belian dan Akaun Diskaun Diterima dengan menggunakan nama "penghutang dan pemiutang" dan tidak menggunakan "Pelbagai Penghutang dan Pelbagai Pemiutang". Contohnya :

Akaun Belian		
X Panasonic Sdn. Bhd.	3400	
X Zahiba Sdn. Bhd.	1800	Baki h/b
	<u>5200</u>	<u>5200</u>

		Akaun Jualan			
24	Bank	2190	Jun 9	Perniagaan Gaffar	3600
30	Baki	h/b 1590	12	Perniagaan Gaffar	90
		3690			3690
		-	Julai 1	Baki (Pelbagai Perkhidmatan)	1590

Ramai calon tidak mengimbang akaun-akaun yang disediakan termasuk yang mempunyai lebih daripada satu catatan dengan "baki h/b". Jawapannya sekadar mempunyai jumlah sahaja. Akaun yang tidak diimbang menyebabkan angka dalam Imbangan Duga tidak mempunyai rujukan daripada lejar. Terdapat Imbangan Duga yang disediakan oleh calon mempunyai beberapa kesilapan seperti Akaun yang berbaki debit telah dicatat di sebelah kredit dalam Imbangan Duga, dan sebaliknya. Contohnya:

Imbangan Duga pada 30 Jun 2004		
	Df.	Kf.
Jualan	4490	
Panasonic Sdn Bhd	1416	
Putangan Selian	184	
Bank	4450	
Perniagaan Gaffar		1590
Selian		5200
Sewa		540

Sebahagian calon merujuk angka baki awal tunai dan bank sebagai baki akhir dalam Imbangan Duga. Terdapat juga calon yang mencatat baki bank dengan dua baki dalam Imbangan Duga iaitu bank yang berbaki debit dan bank yang berbaki kredit (Overdraft bank). Terdapat juga sebahagian calon tidak dapat menulis tajuk Imbangan Duga dengan tepat.

SOALAN 2

Soalan 2 cuba menguji calon untuk calon menyediakan Penyata Pendapatan (Akaun Perdagangan dan Untung Rugi termasuk Akaun Pengasingan Untung Rugi) dan Kunci Kira-Kira (kaedah modal tetap dan menunjukkan modal kerja) dalam bentuk penyata. Soalan ini juga menguji kebolehan calon membuat pelarasan stok akhir, belanja terdahulu, faedah atas ambilan, gaji rakan kongsi yang belum dibayar dan pembahagian untung atau rugi antara rakan kongsi. Selain daripada itu soalan ini juga menguji calon menguasai format penyata dan prinsip perakaunan.

Kekuatan calon ialah mampu menguasai format Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-kira dengan baik. Calon juga tahu mengira untung kasar, untung bersih serta membuat pelarasan sewa diterima terdahulu dan stok akhir dengan baik. Tidak terkecuali juga calon dapat menulis tajuk Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-Kira yang betul. Penyediaan Kunci Kira-kira dengan kaedah modal tetap dapat disediakan dengan baik dengan Akaun Semasa sebagai jalan kerja ditunjukkan di luar jawapan.

Walau bagaimanapun, terdapat persembahan jawapan yang tidak konsisten dengan penyediaan Penyata Pendapatan dalam format penyata tetapi Kunci Kira-kira disediakan dalam format "T" dan juga dalam bentuk Lembaran Kerja. Konsep penyata pendapatan iaitu

hasil tolak belanja juga diabaikan yang berkemungkinan calon tidak dapat membezakan hasil dengan belanja. Dalam Kunci Kira-kira, sebahagian besar calon memasukkan semua butiran Akaun Semasa sebagai pengiraan dan dicampurkan dengan modal tetap. Ramai calon tidak menunjukkan modal kerja sebagaimana tugas soal. Calon yang menunjukkan modal kerja dalam jawapannya pula menggunakan rumus pengiraan modal kerja yang salah dan tidak dapat membezakan aset semasa dengan liabiliti semasa.

Jawapan calon menyaksikan banyak penggunaan butiran yang salah dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi.

Penulisan tajuk penyata pendapatan banyak berlaku kesilapan. Calon menyediakan jawapan dalam bentuk "T" dan tajuk sepatutnya dimulakan dengan "Akaun tetapi calon menulis tajuk " Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2004". Keadaan yang sama berlaku juga ke atas jawapan berbentuk penyata tetapi tajuknya bukan penyata.

Banyak kesilapan didapati dalam jawapan calon semasa calon menyediakan penyata pendapatan. Penyata berumuskan hasil tolak belanja tetapi terdapat jawapan calon yang memulakannya dengan kos jualan dan ditolak daripada jualan secara songsang.

Dalam penyediaan Penyata Pendapatan juga, butiran kos jualan dan untung kasar sering tertinggal catat walaupun angkanya betul. Seterusnya calon menambah jualan dengan kos jualan untuk mencari untung kasar. Kebiasaan calon memulakan kos jualan dengan stok awal (stok awal tidak ada dalam soalan) menyebabkan calon meletakkan nilai sendiri stok awal atau menggunakan angka stok akhir sebagai stok awal.

Penyata Pendapatan Perkongsian Sri Mutiara bagi tahun berakhir 31 Oktober 2004		
Jualan		46500
Belian	40150	
(-) Pulangan belian	1460	
	38690	
(-) Stok akhir	10642	28048 X
		18512 X

Penyata Pendapatan Perkongsian Sri Mutiara bagi tahun berakhir 31 Oktober 2004			
Jualan			465
TOLAK kos JUALAN			
Stok Awal			10642
Belian	40150		
(-) Pulangan Belian	1460		
Belian Bersih		38690	
			493
Kos Jualan			27

Terdapat pengiraan untung kasar yang mengelirukan apabila calon mencampurkan jualan dengan kos jualan. Calon juga menyediakan jawapan setakat kos jualan (tanpa untung kasar) dan ditolak dengan belanja untuk memperoleh untung bersih.

Penyata Pendapatan Perusahaan
Sri Mukara bagi tahun berakhir
31 Oktober 2004

Jualan	46560
TOLAK KOS JUALAN	
Stok Awal	- 10642 X
Belian	40150
-) Pulangan belian	1460
	<u>38690</u>
	49335
	- 2775X
TOLAK Belanja	
Kadar bayaran	1360 X
Sewa kedai	4320 X
Gaji Normala	5160 X
Belanja Am	80 X
Untung bersih	<u><u>- 404</u></u>

Sebahagian besar calon keliru tentang konsep gaji dalam perkongsian. Gaji Normala dimasukkan ke dalam Akaun Untung Rugi sebagai belanja kendalian (sepatutnya Akaun Pengasingan). Calon juga tidak mencatat nama pekongsi bagi faedah atas ambilan dan gaji pekongsi. Contohnya:

penyata pendapatan (petikon)

Untung kasar			25720	ℓ
Tambah: Diskaun diterima	800		800	½
			<u>26520</u>	
Tolok: Kadarbayaran	1360	½		
Sewa kedai	4320	½		
Gaji Normala	5160	ℓ		
Belanja Am	80	½	10920	
Untung Bersih			<u>ℓ 15600</u>	

Dalam menyediakan bahagian Akaun Pengasingan Untung Rugi, sebahagian besar calon salah dalam membuat pelarasan gaji Normala. Kesilapan ini menyebabkan angka untung yang boleh dibahagikan salah dan pembahagian untung sebagai kongsi untung juga salah. Penggunaan butiran yang salah menyebabkan calon banyak kehilangan markah seperti penggunaan butiran "Kongsi Untung Rugi", "Pembahagian Untung Rugi" dan sebagainya.

Penyata pendapatan (petikan)

Kongsi Untung atau Rugi			
Safura		5064 X	
Normala		3376 X	8440
Kongsi Untung			8440

Calon yang lemah suka meneka. Calon keliru dengan butiran modal dan hasil. Justeru itu, ramai calon lemah cenderung menulis butiran modal dalam penyata pendapatan seperti "ambilan, sewa terdahulu, modal pekongsi, kenderaan, gaji terakru dan sebagainya". Terdapat juga calon memasukkan faedah atas ambilan dalam komponen hasil atau belanja dalam Akaun Untung Rugi.

Penyata pendapatan (petikan)

Untung Kasar		34040
Kadar bayaran	1360	
Sewa terdahulu	360 -1	
Ambilan	1152 -1	
Belanja am	80	
Gaji Normala	4800 X	7752
Untung Bersih		26288

Dalam penyediaan Kunci Kira-Kira, terdapat calon cuba meneka dengan menulis butiran hasil sekali lagi dan butiran tersebut telah dicatat dalam Penyata Pendapatan. Contoh yang banyak didapati ialah diskaun diterima. Selain daripada itu, terdapat juga catatan dua kali gaji terakru pekongsi dalam liabiliti semasa dan juga dalam jalan kerja Akaun Semasa. Tidak kurang juga calon telah mencatat butiran aset dan liabiliti dalam Penyata Pendapatan dan mencatat kedua kalinya dalam Kunci Kira-kira. Mengulang catatan dalam penyata pendapatan dan dalam Kunci Kira-kira dianggap meneka.

Kunci Kira-kira (petikan)

Aset Semasa				
Bank	5290	$\frac{1}{2}$		
Penghutang	1060			
Stok	5290	$\frac{1}{2}$		
Ambilkan Sewa terdahulu	1060			
Gaji No	800			
Diskaun diterima	800	-	1	7150 17792 20302 50944

Kelemahan calon dalam mengklasifikasikan aset dan liabiliti untuk "terakru dan terdahulu" menyebabkan terdapat ramai calon mencatat butiran ke dalam tajuk komponen yang salah. Contoh yang nyata ialah sewa terdahulu (merupakan aset semasa), gaji pekongsi belum dibayar (pelarasan Akaun Semasa) dicatatkan di bawah liabiliti semasa. Kesilapan begini menyebabkan pelajar gagal mendapat markah modal kerja. Contoh kesilapan yang dinyatakan di atas adalah seperti yang berikut:

Kunci Kira-kira pada 31 Oktober 2004 $\frac{1}{2}$

Butir				
Aset Bukan Semasa				
Kenderaan			$\frac{1}{2}$	32000
Aset Semasa				
Bank	5290	$\frac{1}{2}$		
Penghutang	1060	$\frac{1}{2}$		
Sewa terdahulu	380			
	6710			
(-) Liabiliti Semasa				
Pemutang	1300	$\frac{1}{2}$		
Gaji terakru	860	2	7160	4550
Modal Kerja			2	36550

Pelbagai format persamaan Kunci Kira-kira digunakan oleh calon yang menyebabkan modal kerja tidak dapat ditunjukkan dengan betul dalam jawapan. Contoh format persamaan yang digunakan adalah seperti berikut:

- (i) (Aset Bukan Semasa + Aset Semasa) – Liabiliti Semasa = Ekuiti Pemilik
- (ii) Aset Bukan Semasa + Aset Semasa = Ekuiti Pemilik + Liabiliti Semasa

Pengiraan modal kerja tidak mengikut rumus yang betul (aset semasa tolak liabiliti semasa). Ramai calon mencampurkan aset bukan semasa dengan aset semasa dan menolaknya dengan liabiliti semasa. Kesalahan sebegini menyebabkan kehilangan markah untuk liabiliti semasa dan modal kerja. Contohnya:

Kunci Kira-kira pada 31 Oktober 2004			
Aset Bukan Semasa			
Kenderaan			↓ 32000
Aset Semasa			
Stok	10642	±	
Penghutang	1060	±	
Bank	5290	±	16992
			48992
Tolak: Liabiliti Semasa			
Pemiutang		✗	1300
			47692

Terdapat jawapan calon yang menolak aset bukan semasa dengan modal kerja untuk memperoleh angka keseimbangan pada Kunci Kira-kira.

Kunci Kira-kira pada 31 Oktober 2004			
Aset Bukan Semasa :			
Kenderaan			32000
Aset Semasa			
Trawai	5290	X	
Stok	10642	X	
Penghutang	1060	X	
Sewa	360	X	
	17352		
- Liabiliti Semasa			
Pemiutang	1300	X	
Modal Kerja			16052 X
			<u>15948</u>

Kesilapan yang dilakukan oleh sebahagian besar calon ialah menyediakan catatan di bahagian ekuiti pemilik dengan butiran yang menyamai komponen entiti perniagaan milikan tunggal. Kewujudan Akaun Pengasingan Untung Rugi, Akaun Semasa dan komponen ekuiti pemilik adalah unsur yang membezakan antara akaun penamat dan Kunci Kira-kira perkongsian dengan milikan tunggal. Jawapan calon menunjukkan butiran Akaun semasa ditunjukkan secara terperinci dalam Kunci Kira-kira. Kedudukan Akaun Semasa dalam Kunci Kira-kira perlu ditunjukkan baki akhirnya sahaja. Contoh kesilapan tersebut boleh ditunjukkan seperti yang berikut:

Kunci Kira - Kira	
31 Oktober 2004.	
Ekuiti Pemilik :	RM
Modal Safura	24 000
Modal Normala	16 000
+ Kongsi Untung	5 064 X
- Ambilan	1 200 X
- Faedah atas ambilan	48 X
	46 312

Kesilapan besar yang dilakukan oleh sebahagian besar calon ialah tidak menyediakan jalan kerja untuk Akaun Semasa. Semua butiran pelarasan dimasukkan ke dalam Kunci Kira-kira dan dibuat pelarasan dengan modal tetap pekongsi. Contoh yang boleh ditunjukkan adalah seperti yang berikut:

Ekuiti Pemilik							
Modal	: Safura						24 000
	: Normala						16 000
+) Untung	: Safura						5 306.4
	: Normala						35 376
(-) Ambilan	Safura			3			1 152
							47 600

Calon juga gagal merekod kedudukan akaun semasa dengan betul dalam Kunci Kira-Kira malahan ada calon membuka akaun semasa sebagai jalan kerja tetapi tidak meletakkan butiran dan angka akaun semasa dalam ekuiti. Kesilapan ini menyebabkan akaun semasanya tidak dirujuk sebagai jalan kerja.

SOALAN 3

Soalan ini cuba menguji calon menyediakan penyata belanjawan tunai dengan format yang betul bagi tujuan perancangan dan pengawalan perbelanjaan tunai untuk tempoh 3 bulan ke hadapan. Pengujian juga tertumpu pada aspek format, sumber kewangan (termasuk sumber kredit) dan perbelanjaan yang akan dibuat dalam tempoh tersebut supaya perniagaan tidak mengalami kekurangan tunai.

Jawapan calon menunjukkan kekuatan dalam beberapa aspek. Sebahagian besar calon dapat menyediakan penyata belanjawan tunai dengan format yang betul. Pengujian matematik yang mudah membolehkan calon menjawab aspek peningkatan jualan, peratus pengurangan belian dan peratus kutipan hutang dengan tepat. Butiran yang digunakan bersesuaian dengan penyata, banyak yang tepat untuk penerimaan tunai dan pembayaran tunai dan bertepatan dengan peraturan pemarkahan. Soalan ini digemari oleh majoriti calon dan membantu calon untuk memperoleh markah yang baik.

Calon yang terlalu lemah gagal menjawab soalan ini dengan baik. Calon lemah tidak dapat menguasai format Penyata Belanjawan Tunai dan penggunaan butiran yang salah. Selain itu kecuaiian calon membaca soalan menyaksikan jawapan calon mempunyai butiran penerimaan dan pembayaran yang bercampur aduk.

Penyata Belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2004			
Butir - Butir	Oktober	November	Disember
Baki 6/6	2500 ✓		
Jualan tunai			
Penerimaan			
Jumlah tunai	7500 ✓	7500 ✓	8500 ✓
Pembayaran			
Belian	6600 ✓		
Jualan		7425 ✓	5940 ✓
Pinjaman bank		5000 ✓	
Sewa	800 ✓	800 ✓	
Premis			15 000
Jumlah	17400	20 725	29440

Kelemahan calon yang dapat dikesan dalam soalan ini ialah kesalahan menggunakan butiran. Contohnya mencatat "Jualan kredit" untuk kutipan penghutang dan "Bayaran Pendahuluan" untuk pendahuluan premis.

Pengyata Belanjawan Tunai bagi Tiga bulan berakhir			
31 Disember 2004			
	Oktober	November	Disember
Baki blb	2500	400	4675
Penerimaan			
Jualan	7500	7500	8500
Pinjaman bank	-	5000	-
Jumlah	7500	12500	8500
Pembayaran			
Sewa bulanan	800	800	-
Premis	-	-	150000
Bayaran Pendahuluan	-	-	135000 150000
Jualan Kredit	-	7425	5940
Belian	8800	-	16600
Jumlah	9600	8225	147540
Baki h/b	400	4675	(134245)

Ketidakteraturan kaedah dalam merekod butiran baki awal dengan baki akhir amat ketara dalam jawapan calon. Ini menjejaskan markah yang diperolehi calon. Sebagai contoh, baki awal ditulis "baki tunai/ baki h/b/ baki awal h/b". Baki akhir pula ditulis "jumlah/baki b/b/ baki akhir b/b".

Terdapat calon yang cuba menjawab soalan ini tidak dapat membezakan butiran penerimaan dan pembayaran dan jawapannya bercampur aduk antara penerimaan dan pembayaran. Jawapan yang bercampur aduk dapat dilihat dengan tidak adanya pemisah antara penerimaan dan pembayaran samaada oleh "garis pemisah jumlah atau tajuk penerimaan atau pembayaran". Contohnya:

Pengyata belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2004.			
	Oktober.	November.	Disember.
Baki tunai	2500	1200	12900
Jualan tunai	7500	7500	8500
Belian	8800	-	6600
Jualan Kredit	-	7425	1485
Pinjaman Bank	-	5000	-
Sewa	-	800	150000
	1200	12900	135200

Agak malang lagi ada sebahagian calon yang menjawab dengan butiran yang bercampur aduk itu, memulakan penyata belanjawan tunai dengan butiran pembayaran tunai.

Terdapat sebahagian besar calon melakukan kesilapan dalam menulis tajuk. Calon juga kehilangan markah tajuk kerana hanya mencatatkan "Belanjawan Tunai" tanpa perkataan "Penyata". Ada juga calon yang menulis tajuk kecil penerimaan tunai tetapi mencatat butiran pembayaran tunai menyebabkan calon tidak memperoleh markah bagi komponen pembayaran tunai.

Terdapat juga calon yang gagal menyediakan format penyata ini untuk tiga bulan. Ada yang menyediakan penyata ini untuk sebulan sahaja sama ada menyatakan bulan atau tidak menyatakan bulannya.

Sebahagian calon pula menambah format jawapan dengan menambah satu lajur tambahan dibuat iaitu lajur tarikh sebelum lajur butiran kerana tidak dapat membezakannya dengan format buku tunai. Malahan ada penyata yang disediakan berbentuk seperti senarai.

SOALAN 4

Soalan ini merupakan soalan asas kepada kesan urus niaga ke atas keseimbangan perakaunan dan kesannya ke atas prinsip catatan bergu. Soalan ini cuba menguji kebolehan calon mencatat kesan urus niaga yang melibatkan aset, liabiliti, hasil dan belanja ke atas keseimbangan Kunci Kira-kira. Calon diminta menyediakan Kunci Kira-kira berasaskan persamaan kunci kira-kira dengan komponen-komponen aset, liabiliti dan ekuiti yang betul. Urus niaga yang dikemukakan menguji kebolehan calon memilih butiran akaun yang tepat

Ramai calon dapat menjawab mengikut tugas soal dan menguasai format Kunci Kira-kira dengan baik. Kesan urus niaga ke atas akaun-akaun dapat dibuat dengan betul dan seterusnya menyediakan Kunci Kira-kira selepas kesan urus niaga tersebut dengan betul. Kekuatan jawapan calon dalam soalan ini juga dapat dilihat apabila calon dapat menyediakan jalan kerja berbentuk matematik yang kemas.

Ada jawapan calon yang mencatat butiran Kunci Kira-kira di bawah tajuk komponen yang salah. Contohnya calon menulis tajuk Aset Bukan Semasa tetapi di bawahnya dicatat stok, penghutang dan bank

Kunci Kira-kira pada 31 Ogos 2004

Aset Bukan Semasa			
Alatan	3150	Modal	25000
Stole	13725	Untung bersih	3100
Penghutang	11125	Modal akhir	28100
Bank	7500	pinjangan	7400
	<u>35500</u>		<u>35500</u>

Walau bagaimanapun, terdapat calon yang gagal memahami secara logik kesan setiap urus niaga ke atas pengurangan atau penambahan aset, liabiliti dan ekuiti. Kesilapan yang banyak ditemui dalam perkara ini ialah belian tunai mesin pencetak menyebabkan calon menambah nilai ke atas butiran baru iaitu "mesin" sedangkan akaun alatan pejabat sudah sedia ada (sepatunya nilai alatan pejabat ditambah). Salah faham tentang pengertian cek tak layan yang diterima daripada penghutang menyebabkan calon menambah akaun bank dan mengurangkan akaun penghutang.

Kunci Kira. Kira pada 31 Ogos 2004.	
Aset Semasa :	
Alatan pejabat	3000
Mesin pencetak	150

Sebahagian calon pula menunjukkan jalan kerja pengiraan bersebelahan dengan butiran jawapan pada Kunci Kira-kira. Perkara ini tidak dibenarkan. Contohnya :

		Mukul Aih Enterprise	
		Kunci Kira-kira pada 31 Ogos 2004	
Aset Semasa	RM	RM	Ekuiti pemilik
Aset Bukan Semasa			modal
Alatan pejabat	3000	3150	
(+) mesin pencetak	150		Liabiliti semasa
			pinjaman
Aset Semasa			
Bank	5700		
(+) barang Barangan Niaga	1300	8500	
Stok	16500		
(-) Stok per pada borong	3100	14600	

Terdapat juga calon tidak menyediakan jalan kerja pengiraan sebagaimana yang dikehendaki dalam soalan menyebabkan calon kehilangan markah jalan kerja.

Sebahagian calon tidak membaca tugas soalan dengan teliti seperti calon diminta menyediakan Kunci Kira-kira dan tunjukkan jalan kerja. Yang berlaku ialah calon sebegini hanya menunjukkan jalan kerja dengan baik tetapi tidak menyediakan Kunci Kira-kira dalam jawapannya. Mereka kehilangan semua markah kerana menjawab tidak mengikut tugas soalan.

SOALAN 5

Soalan ini menguji kebolehan calon menyediakan akaun pengeluaran dengan pelarasan belanja terakru, pengagihan kos antara kilang dan pejabat, pelarasan susut nilai kaedah baki berkurangan, kesilapan catatan dalam angkutan masuk dengan angkutan keluar, stok akhir bahan mentah dan juga kerja dalam proses. Calon juga diuji dari segi pengkelasan komponen kos dalam pengeluaran iaitu kos bahan mentah digunakan, kos buruh langsung dan kos overhed.

Ramai calon menjawab mengikut tugas soal dengan baik. Sebahagian besar calon juga dapat menyediakan Akaun Pengeluaran dengan susunan komponen kos yang betul iaitu kos bahan mentah digunakan, kos buruh langsung dan kos overhed. Tajuk Akaun Pengeluaran juga dapat ditulis dengan betul.

Kelemahan calon yang nyata dalam menjawab soalan ini ialah kegagalan dalam mengelaskan butiran kepada kos bahan mentah digunakan, kos buruh langsung dan kos overhed. Calon juga kurang memahami perbezaan kos yang dikenakan ke atas pejabat dan kos yang dikenakan ke atas kilang. Kesan kos yang dikenakan ke atas pejabat (Akaun Untung Rugi) dimasukkan ke dalam Akaun Pengeluaran tetapi kos yang dikenakan ke atas kilang pula tidak dimasukkan dalam Akaun Pengeluaran. Selain itu kekurangan memahami perbezaan antara Kunci Kira-kira dengan Akaun Pengeluaran juga menyebabkan banyak butiran modal dimasukkan dalam Akaun Pengeluaran sebagai sebahagian daripada kos pengeluaran.

Ramai calon cuba mengklas kos ke dalam tiga komponen kos tetapi butiran untuk tiga komponen kos itu bercampur aduk atau tidak dapat merekod butiran dalam komponen kos yang betul. Contoh yang ketara ialah mencatatkan upah buruh langsung ke dalam komponen kos overhed. Terdapat juga calon yang memasukkan butiran modal seperti stok barang siap, loji dan mesin, stok alat tulis dan aset bukan semasa yang lain ke dalam Akaun Pengeluaran.

Akaun pengeluaran bagi tahun berakhir 30/9/2004

Kos bahan mentah digunakan:	
stok awal	8625
Belian bahan mentah	98226
Inwang atas belian	837
angkutan masuk	3214
	<u>101632</u>
	110257
stok akhir	6529
	<u>103728</u>

+ Kos overhead:	
Gaji buruh bek long	8400 ✓
Bahan bek long	900 ✓
upah buruh long	44000 ✓
Sewa	27000 ✓
Gaji pejabat	9800 ✓
Elektrik dan air	4200 ✓
belanja am	1250 ✓
rebat tulis ktang	800 ✓
-1 Loji dan mesin	12000 ✓

Ramai calon membuat kesilapan menulis tajuk kompenan kos, iaitu "Kos Jualan" untuk kompenan "Kos Overhed". Hal ini disebabkan calon keliru dengan penyata pendapatan seolah-olah untuk mencari untung atau rugi. Calon terpengaruh dengan konsep penyediaan Penyata Pendapatan apabila mereka menolak jumlah kos overhead bagi mendapatkan kos pengeluaran. Contohnya boleh ditunjukkan seperti yang berikut:

Akaun pengeluaran (petikan)	
Kos bahan mentah	Kos pengeluaran 95278
stok awal	8625 ✓
Belian bahan mentah	98226 ✓
Insurans	837 ✓
upah buruh mentah	3214 ✓
	102277
Pulangan kebarangkalian	645 ✓
	101632
	110257
-stok akhir	6529 ✓
	103728
Upah buruh long	44000 ✓
	147728

Gaji buah teh leryng	8400 d	} operasi tolak!	
Bahan teh leryng	900 d		
Sewa	27000 d		
Elektrik dan air	4200 d		
Belanja am	1250 d		
alat tulis kilang	800 d		
S. nilai leryng, mesin	9900		
	52450		
	95278		95278

Calon yang lemah menyediakan jawapan dalam 3 komponen kos tetapi tidak menunjukkan sebarang operasi tolak atau tambah antara komponen kos tersebut. Jawapan calon sebegini biasanya tidak menunjukkan jumlah kos pengeluaran.

Kesilapan lain yang dapat dikesan ialah kerja dalam proses tidak diselaraskan dengan komponen kos yang lain sebaliknya calon membuat pelarasan antara kerja dalam proses awal dengan kerja dalam proses akhir sahaja secara berasingan. Contohnya:

Akaun pengeluaran (pefikon)

Gaji buah teh leryng	8400		
Bahan teh leryng	900		
Sewa	27000		
Elektrik dan air	4200		
Belanja am	1250		
alat tulis kilang	800		
S. nilai mesin, leryng	<u>9900</u>		
Kos over head	<u>52450</u>		
	200178		
Kerja dalam proses awal	3223	X	
(Kerja dalam proses akhir)	<u>4465</u>	X	
	(1242)		
	<u>198936</u>		<u>198936</u>

Calon juga membuat pelarasan kompenan kos belian bahan mentah selajur dengan butiran stok awal bahan mentah dan butiran stok akhir bahan mentah. Calon juga lemah dalam pelarasan susut nilai mengikut kaedah baki berkurangan, pelarasan upah buruh langsung dan pelarasan alat tulis kilang.

Seterusnya, calon tidak mendapat markah tajuk kerana kesalahan menulis tajuk. Tajuk yang digunakan seperti "Penyata Kos Pengeluaran" sedangkan jawapannya dalam "T" dan begitu juga sebaliknya apabila tajuknya "Akaun Kos Pengeluaran" tetapi persembahannya dalam bentuk penyata. Calon juga banyak kehilangan markah kerana menunjukkan jalan kerja pelarasan dalam jawapan bersama butiran


SOALAN 6

Fokus soalan ini tertumpu kepada menguji kebolehan calon untuk menggunakan alat pengukuran menilai prestasi kewangan perniagaan dengan tugas menghitung Kos Jualan, Tokokan, Margin Untung Kasar, Kadar Pusing Ganti Stok dan Pulangan Atas Modal. Sehubungan dengan itu, calon diuji untuk membandingkan prestasi perniagaan mana yang lebih baik dengan menggunakan dua alat pengukuran iaitu Kadar Pusing Ganti Stok dan Pulangan atas Modal. Selain menguji kebolehan mengira, soalan ini juga menguji konsep atau maksud pengiraan tersebut.

Sebahagian besar calon berjaya menulis rumus dengan betul. Walaupun pengiraannya tidak tepat, lebih dariada separuh calon dapat menulis rumus dengan baik. Calon boleh memberikan jawapan yang tepat jika rumus yang digunakan adalah betul. Penguasaan rumus banyak membantu calon dalam menjawab soalan ini. Seterusnya, ramai calon berjaya menentukan perniagaan mana yang mempunyai prestasi yang lebih baik dengan memberi alasan yang jelas.

Kegagalan calon menguasai rumus menyebabkan sebahagian calon tidak dapat menjawab dengan baik. Calon yang lemah matematik juga menjadikan soalan ini sukar dijawab. Kegagalan menulis rumus menyebabkan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Calon tidak dapat mengaitkan antara satu maklumat dengan maklumat yang lain kerana pengiraan kos jualan ada kaitan dengan pengiraan tokokan dan kadar pusing ganti stok. Kegagalan mendapat angka kos jualan yang tepat menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh untuk pengiraan tokokan dan kadar pusing ganti stok.

Terapat ramai calon yang tidak menulis peratus dengan betul dalam rumus atau tidak menggunakan simbol "%" dalam jawapan pengiraan Tokokan, Margin Untung Kasar dan Pulangan Atas Modal. Contohnya dapat diberikan seperti berikut:



The image shows a student's handwritten calculation for Tokokan. The formula is written as: (ii) Tokokan = $\frac{\text{Margin kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$. The student has substituted the values 30674 and 92022, resulting in $\frac{30674}{92022} \times 100\%$. The final result is written as 33.33, which is marked with a large 'X' to indicate it is incorrect.

$$\begin{aligned} \text{(ii) Tokokan} &= \frac{\text{Margin kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\% \\ &= \frac{30674}{92022} \times 100\% \\ &= 33.33 \cdot X \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Margin untung kasar} &= \frac{\text{untung kasar}}{\text{Jualan bersih}} \times 100\% \quad (+) \\ &= \frac{30674}{122696} \times 100 \quad \times \\ &= 25 \quad \times \quad \times \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \checkmark) \text{ pulangan atas modal} &= \frac{\text{untung bersih}}{\text{modal awal}} \times 100 \\ &= \frac{4134}{40000} \times 100 = 10.335\% \end{aligned}$$

Seterusnya calon tidak memberi jawapan tepat kepada dua angka perpuluhan untuk pengiraan tokokan dan pulangan atas modal.

Ada calon yang tidak menjawab tugas mengira kadar pusing ganti stok dan pulangan atas modal Perniagaan Setia Rembau cuba menjawab bahagian (b) iaitu membandingkan prestasi perniagaan yang mana lebih baik. Jawapan calon dikira salah kerana tidak disokong oleh data pengiraan dan tidak mengikut tugas soalan.

SARANAN KEPADA CALON

1. Membaca tugas soalan dengan teliti . Jawab mengikut tugas soalan.
2. Membuat persediaan awal sebelum menghadapi peperiksaan.
3. Menguasai semua tajuk yang telah dipelajari yang meliputi sukatan pelajaran.
4. Memahami fungsi sesuatu dokumen dan kaitannya dengan buku-buku catatan pertama.
5. Mengulang kaji dengan membuat latihan sendiri bagi soalan-soalan yang telah dibincangkan atau soalan-soalan SPM dari tahun-tahun yang lepas dan juga latihan-latihan yang setara dengannya.
6. Mengetahui tatacara menyediakan jurnal, akaun dan juga penyata.
7. Memahami aspek teori iaitu konsep-konsep asas latar belakang sesuatu tajuk.
8. Membiasakan diri dengan menulis butiran dengan nama akaun bukan dalam bentuk ayat dalam jawapan.
9. Memahirkan diri dengan prinsip catatan bergu kerana prinsip ini banyak digunakan dalam soalan peperiksaan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru perlu mengajar mengikut sukatan pelajaran yang ditetapkan.
2. Menghabiskan sukatan pelajaran dan tidak mengajar mengikut topik ramalan sahaja.
3. Pengajaran juga mesti merangkumi aspek teori setiap tajuk.

4. Meningkatkan kefahaman pelajar tentang fungsi pelbagai dokumen perniagaan.
5. Menunjukkan teknik menjawab yang betul. Tahu cara pemarkahan kertas dengan mengikuti ceramah-ceramah atau kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri.
6. Mengetahui tatacara menyediakan jurnal, akaun dan juga penyata.
7. Memberikan galakan dan meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran ini agar pelajar lemah tidak berasa tertekan.
8. Memberikan latihan atau latih tubi yang mencukupi daripada soalan-soalan lembaga peperiksaan dan soalan-soalan yang setara dengannya.
9. Mengukuhkan kefahaman prinsip catatan bergu, peraturan debit kredit dan pengelasan akaun lejar kepada pelajar-pelajar.